

## PERATURAN PERMAINAN PETANQUE

### 1. PERATURAN TEKNIKAL

#### 1.1 Undang – Undang Permainan

1.1.1 Merujuk kepada edisi terkini Undang-Undang Rasmi Sukan Petanque (*Official Rules of The Sport of Petanque*) di bawah *Federation Internationale De Petanque Et Jeu Provençal (FIPJP)* yang berkuatkuasa 1 Januari 2017 (Edisi terkini).

#### 1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

### 2. PERATURAN PERTANDINGAN

#### 2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Individu iaitu :

- 2.1.1 Single Lelaki
- 2.1.2 Single Wanita
- 2.1.3 Double Lelaki
- 2.1.4 Double Wanita
- 2.1.5 Triple Lelaki
- 2.1.6 Triple Wanita

#### 2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Bilangan pendaftaran pemain dan pegawai adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu	6	6	4	16

2.2.2 Seorang peserta disarankan menyertai satu (1) acara sahaja.

2.2.3 Bagaimanapun, seorang pemain dibenarkan mengambil dua (2) acara dengan bersyarat iaitu pemain berkenaan menyertai salah satu acara single atau double; dan satu acara triple.

2.2.4 Tiada pemain simpanan bagi setiap acara yang dipertandingkan.

## 2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Pertandingan dijalankan melalui dua (2) peringkat iaitu;
- 2.3.1.1 Pusingan Satu : iaitu pertandingan menggunakan kaedah *Double knock-Out (DKO)* secara berkumpulan.
  - 2.3.1.2 Pusingan Dua : iaitu pertandingan menggunakan kaedah *Knock-Out (KO)* melibatkan pasukan-pasukan yang layak dari pusingan satu.
- 2.3.2 Pihak penganjur atau jawatankuasa teknikal pertandingan adalah berhak untuk mengubah kaedah pertandingan atau menggunakan kaedah pertandingan yang lain.
- 2.3.3 Bagi pertandingan Pusingan Satu, pasukan yang bertanding akan diagihkan ke dalam kumpulan-kumpulan kecil pertandingan secara undian. Pasukan dari latar belakang institusi atau kumpulan institusi yang sama adalah dielakkan untuk bertemu dalam kumpulan yang sama.
- 2.3.4 Hanya dua pasukan terbaik daripada setiap kumpulan akan layak ke Pusingan Dua.
- 2.3.5 Undian kedudukan di Pusingan Dua hanya melibatkan pasukan johan bagi setiap kumpulan. Kedudukan pasukan naib johan akan ditentukan secara silang dan tidak akan bertemu pasukan johan daripada kumpulan yang sama, kecuali di perlawanan akhir. Walaubagaimanapun, pihak teknikal pertandingan berhak menetapkan kaedah lain bagi menentukan susunan pasukan di Pusingan Dua.
- 2.3.6 Peserta atau pasukan yang memenangi pertandingan di Pusingan Dua adalah merupakan pemenang utama bagi kategori acara yang dipertandingkan.
- 2.3.7 Kaedah perlawanan adalah merujuk kepada kaedah perlawanan bermasa atau kaedah mata penamat iaitu 13 mata, atau yang mana terdahulu.
- 2.3.8 Perlawanan menggunakan pendekatan satu gelanggang tertutup. Balingan jack hanya sekali dan jarak sah daripada garisan tepi adalah 50 cm. Pihak lawan akan meletakkan jack sekiranya jarak jack balingan asal tidak memenuhi syarat sah jack untuk dimainkan.

- 2.3.9 Apabila masa permainan telah tamat, *end* perlawanan yang telah dimainkan perlu dimainkan sehingga selesai. Sekiranya keputusan mata terikat atau seri selepas masa permainan telah tamat dan *end* yang terakhir telah habis dimainkan, maka satu *end* penentuan akan dimainkan untuk menentukan pemenang.
- 2.3.10 *End* baru bermula dan telah dianggap aktif apabila boule terakhir bagi *end* terdahulu telah dimainkan dan berhenti.
- 2.3.11 Mata perlawanan bagi setiap *end* perlu sentiasa dikemaskini oleh peserta, dan mesti dicatatkan pada borang markah dengan lengkap dan tepat. Borang markah yang telah lengkap perlu disemak dan ditandatangani oleh kedua-kedua peserta atau pasukan yang bertanding, dan disahkan oleh pengadil atau arbiter pertandingan yang bertugas.
- 2.3.12 Tiada bantahan boleh dilakukan sekiranya peserta tidak mengesahkan borang markah perlawanan.

## **2.4 Penanguhan Perlawanan**

- 2.4.1 Rujuk Perkara 11 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

## **3. PAKAIAN DAN PERALATAN**

### **3.1 Pakaian**

- 3.1.1 Setiap peserta atau pasukan yang bertanding perlu menggunakan pakaian pasukan atau kontinjen institusi masing-masing.
- 3.1.2 Nama singkatan pasukan atau nama kontinjen institusi disarankan dicetak pada bahagian sebelah 'atas belakang' pakaian.
- 3.1.3 Pemain mesti berpakaian sukan lengkap iaitu baju berlengan, berseluar panjang, berkasut dan berstokin.
- 3.1.4 Pakaian mestilah seragam bagi peserta atau pasukan yang bertanding bagi acara yang melibatkan lebih daripada seorang pemain. Keseragaman ini juga disarankan ke atas pemakaian topi atau tudung yang digunakan, sekiranya berkaitan.
- 3.1.5 Bahan pakaian dari jenis kain denim, seluar dengan potongan jeans, atau pakaian ketat adalah tidak dibenarkan. Seluar potongan '*half cut*' atau '3 suku' juga tidak dibenarkan.

3.1.6 Pihak penganjur melalui jawatankuasa teknikal pertandingan berhak menghalang peserta atau pasukan yang tidak mematuhi peraturan pakaian daripada meneruskan perlawanan.

### 3.2 Peralatan

3.2.1 Pemain perlu menyediakan boule masing-masing. Boule mestilah mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh FIPJP.

3.2.2 Pemain dan pasukan yang bertanding dikehendaki menunjukkan boule yang bakal digunakan kepada pihak lawan sebelum sesuatu perlawanan dimulakan. Sebarang bantahan berkaitan boule perlu diusulkan kepada arbiter sebelum perlawanan dimulakan.

3.2.3 Gelung dan jack adalah disediakan oleh pihak penganjur pertandingan, dan ianya perlu dikembalikan selepas tamat sesuatu perlawanan.

3.2.4 Peserta atau pasukan perlu menyediakan alat pengukur masing-masing. Peserta dikehendaki melakukan ukuran dengan menggunakan alat pengukur yang bersesuaian.

## 4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Single Lelaki	1	1	1	1	1	1
Single Wanita	1	1	1	1	1	1
Double Lelaki	1	2	1	2	1	2
Double Wanita	1	2	1	2	1	2
Triple Lelaki	1	3	1	3	1	3
Triple Wanita	1	3	1	3	1	3
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>12</b>